



GARIS PANDUAN LAPORAN

ANUGERAH IKON MUDA KOPERATOR SEKOLAH 2023

TEMA

**“MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN MELALUI AKTIVITI
KEUSAHAWANAN KOPERASI SEKOLAH”**

TEMPOH PENGLIBATAN

1 JANUARI 2019 – 30 SEPTEMBER 2023

ANJURAN

**SEKSYEN SEKOLAH & IPT/BELIA
BAHAGIAN KOPERASI BERSASAR
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI
ANGKASA**

1. PENGENALAN

Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah diperkenalkan oleh Bahagian Sekolah ANGKASA pada tahun 2023 adalah bertujuan mengiktiraf jasa dan sumbangan murid/pelajar dalam aktiviti Koperasi sekolah. Sebelum ini, bermula pada tahun 2016, anugerah ini dikenali sebagai anugerah koperator terbaik. Oleh itu, Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada koperator (murid/pelajar) yang ingin dicalonkan sebagai penerima **Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah 2023**.

Anugerah ini akan memberi semangat dan galakan kepada semua koperator (murid/pelajar) di Malaysia dalam mempraktikkan ilmu keusahawanan disamping menjayakan tugas-tugas di Koperasi masing-masing. Anugerah ini juga mengambil kira pengiktirafan kepada koperator (murid) yang benar-benar cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum terutamanya yang melibatkan aktiviti Koperasi sepanjang **5 (lima) tahun bermula 1 Januari 2019 – 30 September 2023**. Anugerah ini diadakan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin Koperasi masa hadapan.

2. OBJEKTIF ANUGERAH

- 2.1 Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada koperator murid yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam aktiviti-aktiviti Koperasi sekolah.
- 2.2 Menggalakkan penglibatan lebih ramai murid dalam aktiviti Koperasi dan menonjolkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh Koperasi sekolah dan agensi.
- 2.3 Mengangkat peranan koperator muda dalam agenda pendidikan negara melalui Koperasi sekolah.

3. PENYERTAAN

- 3.1 Terbuka kepada semua koperator (murid/pelajar) Koperasi sekolah (ahli ANGKASA) di Malaysia.
- 3.2 Setiap Koperasi sekolah boleh menghantar **maksimum 2 (dua) pencalonan** dan calon dikehendaki untuk mengisi **Google Form** penghantaran pencalonan Ikon di <https://bit.ly/IkonKoperatorMuda23>.
- 3.3 Terdapat 2 kategori pencalonan
 - 3.3.1 Kategori calon murid lelaki
 - 3.3.2 Kategori calon murid perempuan

4. CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN

4.1 Tempoh Penglibatan: **1 Januari 2019 – 30 September 2023**

4.2 Tarikh Akhir Penghantaran Laporan Anugerah: **13 Oktober 2023 (Jumaat)**

4.3 Tarikh Temuduga/ Pembentangan (***Cadangan***): **23 – 27 Oktober 2023**

4.4 Tarikh Anugerah Peringkat Kebangsaan (***Cadangan***): **15 - 17 Disember 2023**

Nota : Perubahan tarikh, tempat dan format penilaian akhir adalah bergantung kepada perubahan dari semasa ke semasa.

5. LAPORAN PENUH PENCALONAN

Laporan penglibatan calon dibahagikan kepada **11 bahagian** iaitu:

Bahagian A – Biodata Murid (1%)

Bahagian B – Pencapaian Akademik (2%)

Bahagian C – Aktiviti Koperasi Sekolah (30%)

Bahagian D – Penglibatan Dalam Kursus Anjuran ANGKASA, SKM dan IKMa (6%)

Bahagian E – Sumbangan Utama Dalam Koperasi Sekolah (10%)

Bahagian F – Idea Kreatif dan Inovasi Dalam Perniagaan/Aktiviti Koperasi (10%)

Bahagian G – Aktiviti Kokurikulum lain (10%)

Bahagian H – Aktiviti Khidmat Masyarakat (10%)

Bahagian I – Penerimaan Pengiktirafan dan Penghargaan (10%)

Bahagian J – Motto kejayaan (1%)

Bahagian K - Penulisan Esei (10%)

5.1 BAHAGIAN A : BIODATA MURID

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat-maklumat berikut:

5.1.1 Nama Penuh

5.1.2 No. Kad Pengenalan

5.1.3 Alamat Rumah

5.1.4 Jantina

5.1.5 Umur

5.1.6 Warganegara

5.1.7 Bangsa

5.1.8 Agama

5.1.9 No. Telefon murid/pelajar

5.1.10 Alamat Email murid/pelajar

5.2 BAHAGIAN B: PENCAPAIAN AKADEMIK

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat-maklumat berkaitan latar belakang pendidikan dan melampirkan **salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan:

- 5.2.1. Nama sekolah, nama peperiksaan dan keputusan peperiksaan
- 5.2.2. Nama sijil-sijil lain (selain peperiksaan utama)

5.3 BAHAGIAN C: AKTIVITI KOPERASI SEKOLAH

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan dan pencapaian aktiviti Koperasi sekolah yang pernah diceburi serta melampirkan **salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar.

- 5.3.1. Peringkat Sekolah
- 5.3.2. Peringkat Daerah
- 5.3.3. Peringkat Bahagian
- 5.3.4. Peringkat Zon
- 5.3.5. Peringkat Negeri
- 5.3.6. Peringkat Kebangsaan
- 5.3.7. Peringkat Antarabangsa

Calon dikehendaki menyatakan dengan jelas **nama program, tarikh program dan jawatan yang disandang**.

5.4 BAHAGIAN D : PENGLIBATAN DALAM KURSUS ANJURAN ANGKASA, SKM DAN IKMa

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua kursus anjuran ANGKASA yang pernah dihadiri dan **melampirkan salinan sijil penyertaan sebagai bukti pengesahan** penyertaan murid/pelajar. Sila nyatakan:

- 5.4.1 Nama Kursus
- 5.4.2 Tarikh Kursus
- 5.4.3 Impak Kursus

5.5 BAHAGIAN E: SUMBANGAN UTAMA DALAM KOPERASI SEKOLAH

Calon diminta untuk menyatakan sumbangan utama kepada Koperasi sekolah yang menjadi kebanggaan dan mengharumkan nama sekolah. **(Jika ada)** sila nyatakan:

- 5.5.1 Jenis Sumbangan
- 5.5.2 Keterangan
- 5.5.3 Pengesahan dari Koperasi sekolah

5.6 BAHAGIAN F: IDEA KREATIF DAN INOVATIF DALAM PERNIAGAAN/AKTIVITI KOPERASI

Calon dikehendaki untuk **menyatakan idea kreatif dan inovatif** yang **telah dilaksanakan** kepada Koperasi berkaitan dengan aktiviti Ekonomi, Sosial dan Budaya. Calon juga diminta untuk mengemukakan idea kreatif dan inovatif kepada Koperasi sekolah untuk membangun dan mengembangkan perniagaan Koperasi sekolah pada masa akan datang.

5.7 BAHAGIAN G: AKTIVITI KOKURIKULUM LAIN

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan dan pencapaian aktiviti kokurikulum (**selain Koperasi**) yang pernah diceburi serta **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar.

- 5.7.1. Peringkat Sekolah
- 5.7.2. Peringkat Daerah
- 5.7.3. Peringkat Zon
- 5.7.4. Peringkat Bahagian
- 5.7.5. Peringkat Negeri
- 5.7.6. Peringkat Kebangsaan
- 5.7.7. Peringkat Antarabangsa

5.8 BAHAGIAN H: AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT

Calon diminta untuk menyenaraikan semua **aktiviti sampingan luar sekolah** seperti penglibatan aktiviti kemasyarakatan di kampung, taman, masjid, surau, pemain kompang majlis perkahwinan dan sebagainya (**jika ada**) dengan **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar). Sila nyatakan lengkap:

- 5.8.1. Nama Program
- 5.8.2. Tarikh Program
- 5.8.3. Peranan murid/pelajar dalam program

5.9 BAHAGIAN I: PENERIMAAN PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Calon diminta untuk menyenaraikan semua pengiktirafan yang pernah diterima (**Jika ada**) dan **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen sebagai bukti pengesahan** pengiktirafan berkenaan. Pengiktirafan boleh dipecahkan kepada lima (5) peringkat seperti berikut:

- 5.9.1. Peringkat Sekolah
- 5.9.2. Peringkat Daerah

- 5.9.3. Peringkat Bahagian
- 5.9.4. Peringkat Zon
- 5.9.5. Peringkat Negeri
- 5.9.6. Peringkat Kebangsaan
- 5.9.7. Peringkat Antarabangsa

5.10 BAHAGIAN J: MOTO KEJAYAAN

Calon dikehendaki untuk menulis **moto kejayaan** sebagai motivasi kepada diri calon dan koperator murid/pelajar yang lain. Sebagai contoh **“Gagal sekali tidak bermakna gagal selamanya”**. Motto kejayaan ini hendaklah ringkas dan padat.

5.11 BAHAGIAN K: PENULISAN ESEI

Calon dikehendaki untuk membuat karangan pendek bertajuk **“Mengapa saya layak dipilih sebagai Ikon Koperator Muda Koperasi Sekolah 2023?”** Calon hendaklah memastikan penulisan esei menyentuh **aspirasi, matlamat dan hala tuju** penglibatan calon setelah tamat persekolahan. Penulisan esei hendaklah menggunakan tulisan **Arial bersaiz 11** dan hendaklah tidak lebih daripada **500 patah perkataan**.

6. PENILAIAN ANUGERAH IKON MUDA KOPERATOR

Calon akan dinilai berdasarkan format yang terkandung di **dua belas (12)** bahagian diatas. Peratusan markah yang dipaparkan adalah sebagai ilustrasi kepada setiap calon berkaitan pemberat setiap bahagian. Walaubagaimanapun **peratusan markah ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut ketetapan Jawatankuasa Penilai**. Proses penilaian akan melalui tapisan tiga **(3) peringkat** iaitu:

- 6.1. **Peringkat Tapisan** Laporan Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah 2023 oleh **ANGKASA**.
- 6.2. **Temuduga** calon Ikon Muda Koperator Sekolah 2023 oleh Juri.
- 6.3. **Pembentangan** oleh calon yang telah disenarai pendek ke Peringkat Kebangsaan Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah 2023.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah 2023 bolehlah diutarakan kepada Seksyen Sekolah & IPT/Belia, ANGKASA di talian penting : **03-7884 6510 / 03 7454 8249 / 03-7800 7893 /03-7800 8176**.

8. PANDUAN MELENGKAPKAN PENGHANTARAN PENCALONAN

- 8.1. Calon-calun juga perlu melengkapkan **Google Forms** dan disertakan dengan **link/pautan Laporan Pencalonan** yang telah dikongsikan dengan bse.angkasa@gmail.com sebagai sokongan (*backup*). Pautan **Google Forms Ikon Koperator Muda 2023** boleh didapati di <https://bit.ly/IkonKoperatorMuda23> atau menerusi **kod QR** dibawah:



- 8.2. Setiap pengiktirafan atau kejayaan hendaklah **dilampirkan dengan bukti sijil atau gambar piala/pingat/plak.**
- 8.3. **Laporan pencalonan (dicetak)** yang lengkap hendaklah diserahkan kepada **Ibu Pejabat ANGKASA, Kelana Jaya, Selangor** seperti alamat di bawah **pada atau sebelum 13 Oktober 2023 (Jumaat) Jam 4.30 petang.**
- 8.4. Laporan yang dihantar selepas daripada tarikh dan masa di atas **tidak akan dinilai.** Urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan penghantaran Laporan Pencalonan ke Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri dan lain-lain agensi.

9. HADIAH ANUGERAH IKON MUDA KOPERATOR SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Hadiah berupa trofi, wang tunai, sijil penyertaan dan sijil pencapaian akan diberikan kepada pemenang-pemenang.

10. KATEGORI HADIAH ANUGERAH IKON 2023

Kategori Hadiah Ikon Muda Koperator Sekolah adalah bergantung kepada keputusan ANGKASA.

11. HAL-HAL LAIN

- 11.1 Sijil Penyertaan Ikon Muda Koperasi Sekolah 2023 akan diberikan kepada semua koperator (murid/pelajar) yang telah **menghantar Laporan Pencalonan Ikon**.
- 11.2 Setiap calon dikehendaki mengisi **Google Form** penghantaran mengikut garis panduan ini.
- 11.3 Koperasi sekolah dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Seksyen Sekolah & IPT/Belia ANGKASA sekiranya laporan yang lengkap telah dihantar.
- 11.4 **Tarikh yang dinyatakan dalam garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.**
- 11.5 Segala keputusan Jawatankuasa Penilai adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan tidak akan diterima.
- 11.6 Semua maklumat dan dokumen yang dihantar akan menjadi **hak milik ANGKASA** sepenuhnya.
- 11.7 Laporan Pencalonan (hardcopy) yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat di bawah :

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
WISMA UNGKU A. AZIZ,
JALAN SS 6/1, KELANA JAYA,
47301 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN
(U/P: SEKSYEN SEKOLAH & IPT/BELIA, ANGKASA)

No. Telefon: 03-7884 6510 / 03 7454 8249/ 03-7800 7893 / 03-7800 8176

Laman web: www.angkasa.coop

Email : bse.angkasa@gmail.com

FALSAFAH KOPERASI : BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MANFAAT BERSAMA

**SENARAI KAKITANGAN
SEKSYEN SEKOLAH & IPT/BELIA
ANGKASA**

BIL	NAMA	NO TEL BIMBIT	EMAIL
1	En. Hasbullah Hamdin	012-242 7233	bse.angkasa@gmail.com
2	En. Muhammad Hafifi Bin Hamdan	012-464 6231	
3	En. Muhammad Iqmal Haqhim	017-5061415	
4	En. Azizul Zaman Bin Mohd Mokhtar	012-357 0877	
5	Pn. Rosmiza Binti Abdul Wahab	019-647 5430	